

DEWAN ديوان مشاركة Masyarakat

Berita • Maklumat • Ilmu

• SEMENJUNG MALAYSIA RM5.50
• SARAWAK RM6.00
• SABAH RM6.00
• BRUNEI DS. B\$5.50
• SINGAPURA S\$5.50

MEI 2008

WAWANCARA
EKSKLUSIF

TUN DAIM
ZAINUDDIN



PENGAJARAN BESAR UNTUK UMNO

Laporan Khas
Penangan Demokrasi Digital

KK 001 90246 0508
ISSN 0419-0386



9 770419 038444





**“BN MESTI M
SEMULA RINT**

MENURUT teori pengundi median, parti yang bertanding dalam PRU haruslah berusaha memenangi hati pengundi median. Pengundi median umumnya pengundi yang terikat dengan mana-mana ideologi parti yang bertanding.

Menurut teori ini lagi, sekiranya terdapat dua parti yang merebut pengundi median, kedua-dua parti itu haruslah berusaha ke arah memenangi hati pengundi median dengan berjanji penuh yakin akan menyelesaikan masalah yang ada kena mengena atau hampir dengan mereka.

Teori pengundi median turut menyatakan bahawa sekiranya pengundi median kurang memperoleh sesuatu yang diharapkannya, maka faktor usia, jantina, pendapatan, maklumat, ideologi, dan harapan pengundi median seharusnya mempengaruhi dasar awam. Kesan terhadap dasar awam ini diperlihatkan melalui PRU.

Di Malaysia, banyak masalah

PENGUNDI MEDIAN MENOLAK BARISAN

Oleh **ABD. RAZAK ABU BAKAR**

yang terpaksa dihadapi oleh pengundi median yang mempengaruhi keputusan PRU ke-12 baru-baru ini. Masalah ini mengikut kaum, usia, dan kelas sosial yang diluahkan melalui tuntutan dalam pelbagai bentuk. Antaranya, tuntutan sistem yang lebih telus, pemansuhan bayaran balik pinjaman pendidikan, hak kaum, ganti rugi akibat penindasan, penurunan harga minyak, dan sebagainya yang kebanyakannya bersifat ekonomi.

Maka itulah parti yang bertanding masing-masing mempromosikan manifesto pilihan raya dengan janji untuk menyelesaikan masalah tersebut. Barisan Alternatif (kini Pakatan Rakyat) yang terdiri daripada gabungan parti PAS, PKR, dan DAP masing-masing

mempromosikan manifesto yang membela rakyat dengan cadangan memperbanyak agenda kebajikan.

Antara janji mereka menjadikan sesebuah negeri itu bersih, maju, dan berkeadilan dengan mengutamakan kesihatan rakyat, ekonomi rakyat, keselamatan rakyat, dan urus tadbir berwibawa.

Dalam suasana kenaikan kos sara hidup yang mengiringi PRU-12, pakatan pembangkang menganalisis isu ekonomi, terutama sekali kenaikan harga barang keperluan harian. Dalam satu helaian bertulis tentang perbandingan harga barang keperluan terpilih yang diedarkan oleh PAS dan PKR, tertulis analisis perbandingan kuasa membeli pengguna antara

ENDENGAR 'IHAN RAKYAT'

BEBERAPA bulan sebelum PRU ke-12 diadakan, Tun Daim Zainuddin, bekas Menteri Kewangan dan Bendahari Agung UMNO, pernah memberikan amaran bahawa tiga buah negeri di Semenanjung iaitu Kedah, Pulau Pinang, dan Selangor merupakan kawasan "panas" yang perlu diperhatikan oleh BN supaya tidak dirampas oleh pembangkang. Namun, kebanyakan pemimpin BN ketika itu memandang sinis amaran tersebut. Ikuti wawancara ringkas wakil Dewan Masyarakat, Muhammad Azli Shukri dengan Tun Daim baru-baru ini berhubung dengan keputusan PRU ke-12.

Bagaimanakah sebelum PRU ke-12 diadakan Tun sudah meramalkan bahawa tiga buah negeri (Kedah, Pulau Pinang, dan Selangor) bakal jatuh ke tangan pembangkang?

Saya baca *blog*. Dalam *blog* ada pelbagai

maklumat. Selain itu, banyak orang memberitahu saya tentang hal ini. Misalnya, semasa saya menaiki teksi, pemandu teksi bercerita tentang hal ini, apabila saya pergi ke kedai membeli barang, kebanyakan orang bercerita tentang hal ini, bahkan

Malaysia dengan Singapura.

Analisis perbandingan kuasa membeli ini serta penerangan yang panjang lebar mengenainya dalam kempen PRU yang lalu berjaya meyakinkan pengundi median akan hakikat yang sebenar bahawa harga barangan yang lebih rendah di Malaysia tidak bermakna bagi mereka. Malah, mereka menuntun tambahan pendapatan dalam bentuk bonus melalui CUEPACS dan menerusi tuntutan mekanisme gaji minimum bagi pekerja perindustrian.

Itu adalah isu ekonomi yang melibatkan semua kaum dan masyarakat Malaysia. Di samping itu kaum Melayu, Cina, dan India mempunyai masalah yang tersendiri. Masalah Melayu antaranya yang berkaitan dengan ketuanaan bangsa yang tidak dapat dipertahankan oleh UMNO. Kaum Cina pula rata-rata bersungut kerana pertumbuhan perniagaan yang kurang menggalakkan, manakala kaum India

tetap dengan soal kebajikan kaum itu yang tidak dapat diperjuangkan oleh MIC.

Faktor kemiskinan juga antara sebab pengundi memilih pembangkang. Berdasarkan data 2004, kadar kemiskinan dalam kalangan bumiputera, Cina, dan India adalah masing-masing 8.3 peratus, 0.6 peratus, dan 2.9 peratus.

Di samping faktor kemiskinan, pengundi median turut terpengaruh dengan maklumat dalaman tentang kelemahan kerajaan di bawah pimpinan Abdullah Ahmad Badawi yang sumbernya berpunca daripada mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Tidak lama selepas Mahathir menyerahkan kepimpinan negara kepada Abdullah, Tun mula mengkritik dasar kerajaan di bawah Abdullah.

Antara kritiknya mencakupi isu pembatalan jambatan bengkok, campur


apabila saya makan rojak di gerai tepi jalan juga, kebanyakan orang di gerai rojak itu bercerita tentang hal ini.

Sebelum PRU ke-12 diadakan, kebanyakan orang yang berjumpa saya (majoritinya pengundi di tiga buah negeri itu) mengeluh dengan keadaan ekonomi sekarang. Mereka sangat tidak berpuas hati apabila kebanyakan harga barang mula naik berikutan harga minyak yang terus meningkat. Malah kebanyakan mereka tidak segan-silu memaki kerajaan. Cakap mereka sudah mula tidak berlipik.

Satu lagi perkara yang menguatkan ramalan saya bahawa tiga buah negeri itu mungkin dirampas pembangkang apabila pada November tahun yang lalu bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Khir Toyo, memberikan penyapu kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mencatatkan kutipan cukai paling sedikit di Selangor. Perbuatan ini sangat tidak elok. Sesiapa pun marah dengan tindakan Khir ini. Sebagai pemimpin, kita harus menjaga air muka dan maruah orang.

tangan secara langsung menantu Abdullah, Khairy Jamaluddin dalam UMNO dan kerajaan, dan taraf Presiden UMNO yang seolah-olah sebuah institusi yang tidak boleh ditegur.

Kritikan tidak Mahathir ini tersebar melalui Internet dan sekali gus mendedahkan kelemahan kepimpinan Abdullah. Natijahnya, dapat dilihat dalam keputusan PRU-12, yang menunjukkan bahawa majoriti rakyat hilang kepercayaan terhadap kepimpinan UMNO, BN, dan kerajaan.

Dalam PRU-12, pengundi median yang memang terikat dengan sesuatu ideologi ialah pengundi yang selama ini menyokong UMNO dan BN. Walau bagaimanapun, dengan propaganda pembangkang, pengundi median tersebut terpengaruh dan menolak UMNO serta BN, sekal gus mengurangkan majoriti BN dalam Parlimen dan menyerahkan lima buah negeri kepada pembangkang. 

Apakah punca kekalahan BN dan UMNO dalam PRU ke-12 ?

Punca utamanya kerana BN dan UMNO terlalu yakin bakal beroleh kejayaan pada PRU ke-12 berikutan kemenangan besar mereka dalam PRU ke-11 (2004). Akibatnya, semua pemimpin UMNO lebih sibuk membuat persiapan untuk pemilihan parti dalam Perhimpunan Agung UMNO pada penghujung tahun ini berbanding dengan membuat persiapan dan strategi tersusun untuk menghadapi PRU ke-12.

Selain itu, PRU ke-12 sebenarnya dibuat pada masa yang kurang sesuai. Banyak kes sensitif yang belum diselesaikan. Misalnya kes rusuhan Hindraf, tuntutan BERSIH, kes pita video Linggam, kes kenaikan harga barang, kes tuntutan Ceupacs, dan banyak lagi kes yang dibiarkan tertunggak. Dengan banyak perkara yang tidak selesai adakah sesuai PRU diadakan? Sepatutnya selesaikan dahulu semua perkara satu per satu, kemudian barulah diadakan PRU ke-12.

Mengapa banyak orang mendakwa kebanyakan wakil rakyat BN sekarang sombong?

Itulah yang menghairankan saya. Kebanyakan generasi muda sekarang menganggap bahawa memasuki politik atas tiket BN merupakan peluang keemasan untuk mengumpul kekayaan. Padahal sepatutnya mereka harus bersungguh-sungguh berkhidmat untuk rakyat.

Misalnya bagaimana kawasan Parlimen saya boleh dirampas oleh pembangkang pada PRU ke-12? Jawapan kerana wakil rakyat tidak jaga kawasan. Sepatutnya wakil rakyat perlu selalu jenguk kawasan, duduk di kedai tepi jalan, dan bersembang-sembang dengan penduduk. Pengundi ini, macam mana marah pun mereka kepada kerajaan, kalau wakil rakyat pandai menjaga hati mereka, kebanyakan mereka pasti mengundi wakil rakyat itu. Tetapi, jika wakil rakyat sombong, rakyat mahu berjumpa pun susah, pasti akan kalah. Jangan angkuh.

Sepatutnya wakil rakyat BN jangan berubah gaya hidup. Hiduplah macam biasa supaya pengundi rasa tiada jurang dengan pemimpin mereka. Dahulu semasa menjadi wakil rakyat, saya tidak mengubah penampilan diri saya. Inilah selipar yang

saya pakai dan baju batik saya dari dahulu sampai sekarang. Dengan penampilan sebegini saya mudah bergaul dengan akar umbi. Ikutlah resmi padi, semakin berisi semakin tunduk.

Jika BN tidak berubah apakah nasibnya pada PRU ke-13?

BN pasti kalah lebih teruk. Namun, jika selepas PRU ke-12 pemimpin BN bijak menjaga hati rakyat, maka rakyat pasti akan menyokong BN semula pada PRU ke-13.

Ada dakwaan yang mengatakan bahawa orang yang mengkritik UMNO sekarang untuk kebaikan tetap dianggap sebagai musuh UMNO. Apa komen Tun?

Kita percaya kepada kebebasan bersuara dan kita percaya kepada demokrasi. Misalnya, apabila Tun Dr. Mahathir akhir-akhir ini memberikan pandangan dan kritikan kepada UMNO, biarlah. Jika kita bijak sangat, maka apa-apa sahaja yang beliau bangkitkan kita jawab dengan bernaam dan meyakinkan dalam suatu perdebatan yang sihat.

Sepatutnya sebelum PRU ke-12, pemimpin tertinggi UMNO datang berjumpa Mahathir, tanya apa-apa yang Mahathir tidak berpuas hati dengan kerajaan, selesaikan perkara-perkara yang mana boleh diselesaikan segera. Kemudian Mahathir harus diajak bersama-sama bersatu dan membantu UMNO untuk menghadapi kempen pembangkang pada PRU ke-12. Ini tidak, pemimpin tertinggi UMNO ketepikan Mahathir. Mungkin mereka rasa terlalu berkuasa dan tidak memerlukan Mahathir lagi. Malah bekas Perdana Menteri itu dituduh sudah nyanyuk.

Benarkah dakwaan yang mengatakan bahawa Tun dan Mahathir ada menyuruh Perdana Menteri meletak jawatan dalam tempoh dua minggu?

Saya tidak terlibat dan saya tidak tahu pun hal itu. Yang penting sekarang kita kena duduk sekali, buat cara yang elok. Datuk Seri Abdullah (Pak lah) kata beliau mahu bersara, cuma banyak orang tertanya-tanya masanya. Duduklah bersama-sama dan beritahu keadaan yang sebenar. Pak Lah perlu beritahu secara jelas bila beliau mahu bersara. Semua ahli UMNO perlu dijaga hatinya. Jika tidak, UMNO akan hancur.

Adakah UMNO boleh diselamatkan jika berlaku perubahan pucuk pimpinan?

Mahu atau tidak mahu, mesti ada pihak yang bertanggungjawab terhadap kekalahan yang berlaku. BN kehilangan Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Kesan dari segi populasi pengundi dan nilai ekonominya cukup besar. UMNO perlu membuat kajian yang mendalam untuk mengetahui punca sebenar musibah ini. Kemudian barulah UMNO mengetahui pihak yang bertanggungjawab atas kekalahan ini. Ketika melakukan kajian ini, jangan sembunyi-sembunyi, biarlah wakil cawangan UMNO diberikan peluang bercakap, barulah UMNO mengetahui kehendak sebenar akar umbi.

Pada pandangan Tun apakah yang menyebabkan rakyat terlalu marah kepada Pak Lah?

Mereka marah kerana inflasi, keselamatan dan kehakiman negara tidak dijaga dengan baik. Selain itu, Pak Lah seolah-olah tidak menunjukkan penidiran yang jelas dalam banyak perkara. Misalnya, dahulu beliau menyatakan bahawa pada zaman pemerintahannya projek mega akan dikaji semula dan dikurangkan, tetapi tidak lama kemudian bersusun-susun pula projek mega dijalankan. Pastinya rakyat keliru dan marah dengan keadaan ini.

Bagaimanakah BN ingin merampas kembali semua negeri yang dirampas oleh pembangkang pada PRU ke-12?

BN mesti dengar semula rintihan rakyat dan mesti berkhidmat sepenuh hati untuk rakyat. Sebelum PRU ke-12, BN ada mewujudkan kad laporan untuk menilai prestasi wakil rakyat dan khabarnya semua pemimpin tertinggi BN puas hati dengan prestasi semua wakil rakyat seperti yang tercatat dalam kad laporan itu. Namun semasa diumumkan senarai calon BN yang bertanding pada PRU ke-12, banyak pula nama lama yang digugurkan. Jika prestasi wakil rakyat dahulu baik, mengapa pula mereka digugurkan? Semua ini menyebabkan pengundi keliru dan tidak yakin dengan BN. Dahulu semasa PRU ke-11, BN menang besar kerana kebanyakan pemimpinnya merendah diri, tetapi pada PRU baru-baru ini semua terbalik. **DM**